

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Ciri-ciri Dana

Objektif Dana	Untuk memaksimumkan pulangan jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur di dalam saham dan sekuriti berkadar tetap melalui <b>PRULink</b> Equity Fund dan <b>PRULink</b> Bond Fund dan dalam mana-mana dana <b>PRULink</b> lain yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Nisbah aset peruntukan neutral ialah 80% dan 20% dengan pergerakan yang boleh dibenarkan dari aras +/- 10%.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p><b>Strategi Pelaburan</b> Melabur dalam saham dan sekuriti-sekuriti pendapatan tetap melalui <b>PRULink</b> Equity Fund dan <b>PRULink</b> Bond Fund dan dalam mana-mana dana <b>PRULink</b> seumpamanya yang mungkin ditawarkan pada masa depan.</p> <p><b>Pendekatan Pelaburan</b> Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Tujuan mereka adalah untuk menggunakan peluang kedua-dua peruntukan aset dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada paras yang boleh diterima. Ketidakecakapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio.</p> <p>Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.</p> <p>Pengurus Dana membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan untuk memastikan sasaran penilaian dalaman mereka boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.</p> <p>Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional..</p>
Peruntukan Aset	Dana melabur di antara 70% ke 90% Dana NAV dalam saham melalui <b>PRULink</b> Equity Fund atau mana-mana dana <b>PRULink</b> , yang melabur dalam saham-saham, yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana juga akan melabur di antara 30% dan 10% Dana NAV ke dalam sekuriti pendapatan tetap melalui <b>PRULink</b> Bond Fund atau mana-mana dana <b>PRULink</b> , yang melabur dalam sekuriti-sekuriti pendapatan tetap, yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair.
Piawaian Prestasi	80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate <i>Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari <a href="http://www.bursamalaysia.com/market">www.bursamalaysia.com/market</a> dan <a href="http://www.maybank2u.com.my">www.maybank2u.com.my</a></i>
Pengurus Dana	Eastspring Investments Berhad (531241-U)
<b>Yuran &amp; Caj</b>	
Caj Pengurusan Dana	1.30% setiap tahun
Caj-caj lain, jika ada	Tiada


# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Prestasi Dana

### Jadual Prestasi

**PRULink Managed Fund II Vs.**  
80% FBM100 + 20% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate



Nota: Graf-graf adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Prestasi masa lalu bukan tanda prestasi masa depannya.

Tahun	Prestasi PRULink Managed Fund II	Piawaian Prestasi 80% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM 100) + 20% Maybank 12 Month Fixed Deposit Rate
2009	34.02%	35.56%
2010	18.50%	17.78%
2011	4.04%	2.31%
2012	10.48%	8.32%
2013	9.51%	9.75%
2014	-2.14%	-4.33%
2015	0.58%	-1.61%
2016	0.06%	-1.31%
2017	10.85%	10.77%
2018	-4.37%	-6.78%

\* Prestasi dana adalah dari tarikh lancar dana sehingga akhir tahun untuk tahun yang sama.

Sumber: Lipper IM dan Bloomberg, 31 Disember 2018

**Amaran:** Ini hanya adalah prestasi dana pelaburan tersebut dan bukan pulangan dari sumbangan yang dibayar oleh produk insurans berkaitan pelaburan itu.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left( \frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n - 1} - 1 \right) \%$$

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham / Penerbit
- (C) Risiko Kadar Faedah
- (D) Risiko Kredit / Kegagalan
- (E) Risiko Kecairan
- (F) Risiko Negara
- (G) Risiko Tiada-Pematuhan
- (H) Risiko Penumpuan
- (I) Risiko Syarikat Pengurusan
- (J) Risiko Inflasi
- (K) Risiko Pengurus Pelaburan

## Pengurusan Risiko

### Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

### Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatik untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

# PRULink Managed Fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2018 melainkan jika dinyatakan

## Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none"><li>• Pasaran Sasaran</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pelabur yang mencari nilai modal yang meningkat dan pengagihan pendapatan yang membawa erti.</li><li>• Daya toleransi risiko yang sederhana ke tinggi.</li><li>• Pengalaman pelaburan dalam jangkamasa sederhana ke panjang.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Dasar &amp; Kekerapan Tarikh Penilaian</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penghargaan unit dibuat setiap hari perniagaan.</li><li>• Harga unit bagi dana <b>PRULink</b> tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.</li><li>• Nilai Dana ialah nilai semua aset dana <b>PRULink</b> selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.</li><li>• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.</li><li>• Untuk mendapatkan balik kos memperoleh dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memulihkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.</li></ul>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Keadaan-keadaan Luar Biasa</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat juga berhak untuk menangguhkan penukaran dana-dana <b>PRULink</b> dan bayaran untuk apa-apa Pembayaran, Pengeluaran Separa Fleksibel dan/atau Penyerahan Polisi bagi tempoh yang tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh yang padanya penukaran atau bayaran akan berlaku dalam keadaan-keadaan biasa.</li><li>• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusan polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana <b>PRULink</b>. Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</li></ul>